

31 DEC 1996

RIBUT : LI PENG TURUT SIMPATI

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri China Li Peng hari ini melahirkan simpatinya kepada kerajaan dan rakyat Malaysia ekoran bencana ribut yang melanda Sabah pada Khamis lepas, mengakibatkan ramai terbunuh.

Beliau melahirkan simpati itu dalam perutusannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikeluarkan oleh Kedutaan China di sini, hari ini.

"Kami yakin penduduk di kawasan terbabit akan dapat mengatasi segala kesukaran itu dan segera pulih dari bencana itu," kata Li.

Setakat ini 170 orang dilaporkan terbunuh dan masih ada yang hilang. Ribut itu turut memusnahkan rumah, jambatan dan jalan raya.

Kerajaan Indonesia pula akan menyampaikan sumbangan kain sarung, selimut dan baju kepada mangsa.

Menurut kenyataan Kedutaan Indonesia di sini sumbangan itu akan disalurkan kepada Jawatankuasa Bantuan Bencana Alam melalui Konsul Besar di Kota Kinabalu.

-- BERNAMA

TCL WE MAI